



# Memo

LEMBAGA GETAH MALAYSIA  
MALAYSIAN RUBBER BOARD

**Kepada** : Warga LGM  
**Daripada** : Ketua Unit Pembangunan Sumber Manusia  
**Rujukan** : LGM/KP/KUPSM/027  
**Tarikh** : 21 November 2025

## KENYATAAN UNIT PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BILANGAN 21 TAHUN 2025

### PENAMBAHBAIKAN KEMUDAHAN CUTI HAJI KEPADA PEGAWAI DAN PEKHIDMAT LGM

Dengan hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Mesyuarat Lembaga Bil 186 telah bersetuju meluluskan penerimaan pakai Surat Edaran JPA(S)800-1/1/6 JLD.9(9) bertarikh 10 September 2025 berhubung Penambahbaikan Kemudahan Cuti Haji Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam.
3. Penambahbaikan kemudahan cuti haji adalah seperti berikut:
  - i. Memansuhkan syarat pengesahan dalam perkhidmatan; dan
  - ii. Ketua Jabatan boleh meluluskan Cuti Haji bergaji penuh **sehingga 40 hari**, termasuk Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am. Sekiranya tempoh haji adalah **melebihi 40 hari**, ia adalah berdasarkan kepada tempoh yang ditetapkan oleh pengelola jemaah haji mengikut mana yang lebih tinggi.
4. Sehubungan itu, Ceraian SR.5.3.1 Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM) berkenaan kemudahan Cuti Haji adalah dipinda dan penambahbaikan perkara 3 (i) dan (ii) adalah berkuat kuasa **mulai 01 Januari 2026**.
5. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Edaran JPA dan Soalan Lazim untuk rujukan pegawai dan pekhidmat LGM.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”  
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”  
“KREATIF, INOVATIF, PROGRESIF”

(EMILIA BINTI KASSIM)